

DS 3.5: Penyediaan Kemudahan Masyarakat Desa

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Kemudahan Komuniti Desa ini meliputi Pusat Komuniti Desa (PKD), Dewan Serbaguna, Dewan Orang Ramai dan Balairaya.
- Menyediakan Kemudahan Masyarakat yang merupakan keperluan penduduk desa sesebuah kampung yang dapat mempengaruhi serta memenuhi keperluan ekonomi dan sosial masyarakatnya.
- Menambah bilangan kemudahan komuniti di Johor Selatan berdasarkan unjuran yang telah dilakukan.

Komponen Cadangan:

- Memperbaiki dan menaik taraf kemudahan masyarakat di kampung untuk keperluan penduduk desa.
- Membina Kemudahan Masyarakat yang merangkumi Pusat Komuniti Desa (PKD), Dewan Serbaguna, Dewan Orang Ramai dan Balairaya yang berfungsi sebagai tempat berhimpun dan tempat penyebaran maklumat sesebuah kampung.
- Mewujudkan suasana desa yang berdaya huni serta selesa dengan penyediaan pelbagai kemudahan setanding dengan kawasan bandar.

Kaedah Pelaksanaan:

- Menjadikan Kemudahan Masyarakat sebagai pusat tempat aktiviti desa dan tempat penyebaran maklumat.
- Pelaksanaan projek melalui kerjasama antara JPKK dan masyarakat desa.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan enam (6) kampung

Daerah	Kampung Terlibat
Johor Bahru	Kg. Mohd Amin (Perpustakaan)
Kulai	-
Kota Tinggi	-
Pontian	Kg. Seri Kenangan (Dewan Orang Ramai)

AGENSI PELAKSANA

Pelaksana

- Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)

ANGGARAN KOS

- Kos pembinaan dewan orang ramai: RM 500,000
- Kos pembinaan perpustakaan desa: RM 300,000

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 800,000

FASA PELAKSANAAN

